

## **RINGKASAN KEPUTUSAN RAYUAN**

### **NO. RAYUAN TRK (P) 7-2014**

#### **FAKTA KES**

1. Perayu adalah sebuah syarikat sendirian berhad yang telah diperbadankan dengan pertukaran nama pada 26 Julai 1983.
2. Melalui surat Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) bertarikh 29 April 2014, Encik On Lip Chuan (Pengarah Urusan syarikat Perayu) telah diberi notis bahawa JKDM akan mengambil tindakan menyenaraihitamkan pengarah, pekongsi atau pemilik syarikat Perayu mengikut seksyen 18A Akta Cukai Perkhidmatan 1975 kerana tidak membayar cukai perkhidmatan sebanyak RM78,407.31 dan penalti sebanyak RM43,591.96. Kemudiannya, melalui surat JKDM bertarikh 29 Mei 2014, JKDM telah memohon sekatan perjalanan ke luar negara terhadap 6 pengarah syarikat Perayu termasuk Encik On Lip Chuan di bawah seksyen yang sama kepada Jabatan Imigresen.
3. Pada 16 Jun 2014, Encik On Lip Chuan telah memfailkan Notis Rayuan bagi pihak Perayu di Tribunal Rayuan Kastam terhadap keputusan JKDM bertarikh 29 Mei 2014 itu. Alasan Perayu adalah bahawa perniagaan Perayu telah dijual kepada pihak ketiga pada 17 September 2010 dan kemudiannya dipindah milik oleh pihak ketiga kepada pihak lain pada 15 September 2011. Di dalam Notis Rayuan, Perayu telah melampirkan dokumen-dokumen berkaitan dengan pindah milik perniagaan Perayu.
4. Berdasarkan kepada maklumat yang terkandung di dalam dokumen-dokumen yang dilampirkan bersama Notis Rayuan terdapat fakta bahawa lesen cukai perkhidmatan masih di atas nama syarikat Perayu. Di dalam dokumen tersebut terdapat juga perbincangan di antara Perayu dan pemilik baharu syarikat Perayu

di atas tanggungjawab membayar cukai perkhidmatan bagi tempoh yang tertentu kepada JKDM.

## **ISU**

1. Pihak yang bertanggungjawab bagi pembayaran tunggakan cukai perkhidmatan dan penalti.
2. Sama ada rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah Kastam (KPK) di bawah seksyen 18A Akta Cukai Perkhidmatan 1975 boleh dibuat disisi undang-undang.

(Semasa tarikh sebutan rayuan pada 9 Julai 2014, Responden telah berhujah bahawa KPK telah mematuhi peruntukan seksyen 18A Akta Cukai Perkhidmatan 1975 semasa memohon sekatan perjalanan ke luar negara terhadap 6 pengarah syarikat Perayu dan mengikut seksyen 18A(5) Akta tersebut, sebarang tindakan undang-undang tidak boleh diambil terhadap KPK berkaitan dengan pelaksanaan sah kuasa itu. Tambahan pula pada masa yang relevan lesen cukai perkhidmatan masih atas nama syarikat Perayu, oleh itu pengarah syarikat Perayu bertanggungjawab di atas pembayaran cukai perkhidmatan yang dikenakan. Responden juga berhujah bahawa Perayu sepatutnya memfailkan rayuan seterusnya kepada KPK di bawah peruntukan seksyen 50(1) Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Perayu berhujah balas dengan menyatakan beliau memahami hujahan Responden dan akan membuat rayuan seterusnya kepada KPK)

## **KEPUTUSAN**

Berdasarkan hujahan di atas, Tribunal memutuskan rayuan dibatalkan untuk Perayu membuat rayuan seterusnya kepada KPK.

9 Julai 2014